

Lindungi bekalan air

MS 3 & 7

Wawancara : YDP MAINPP

MS 15



FEBRUARI 16 - 29, 2020



PENANG
2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

Naik taraf Swettenham Pier Cruise Terminal jana pertumbuhan ekonomi dan pelancongan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & PPC**

GEORGE TOWN – Projek menaik taraf Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier atau lebih dikenali sebagai *Swettenham Pier Cruise Terminal* (SPCT) bakal memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi dan pelancongan negeri apabila siap kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, projek mencecah RM155 juta bagi Fasa 1 bakal disempurnakan antara 24 hingga 36 bulan dengan menambah baik nilai-nilai warisan yang terdapat di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dekat sini.

“Projek menaik taraf ini merupakan salah satu pencapaian dalam industri kapal persiaran di Pulau Pinang.

“(Dan) saya ingin berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas komitmen merealisasikan projek ini yang bukan sahaja memberi impak di Pulau Pinang malah negara,” ujarnya sejurus Majlis Pelancaran Projek Naik Taraf SPCT pada 1 Februari 2020.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri telah lama bekerjasama erat dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) dan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) bagi mempromosikan pelancongan kapal pelayaran di negeri ini.

“Sokongan yang diberikan

oleh Kerajaan Negeri terhadap industri ini jelas melalui kelulusan yang diberikan terhadap pengasingan sebidang tanah kepada PPC selama 30 tahun untuk membangunkan SPCT,” katanya.

Difahamkan, projek menaik taraf berkenaan merangkumi peluasan kawasan dermaga sedia ada di bahagian utara yang membolehkan dua kapal persiaran terbesar di dunia (*Oasis-Class*) berlabuh pada satu-satu masa berbanding kini hanya sebuah sahaja.

Selain itu, penstrukturkan semula terminal semasa untuk meningkatkan kecekapan pengendalian penumpang, pembangunan semula gudang lama untuk aktiviti komersial dan mewujudkan kawasan pengangkutan darat (GTA) antara komponen yang terdapat dalam projek ini.

Apabila siap kelak, SPCT dapat menampung sehingga 12,000 penumpang dalam satu-satu masa berbanding kini hanya 8,000 penumpang.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menegaskan bahawa limpahan daripada projek tersebut bakal menjana pertumbuhan ekonomi negeri ke arah mencapai Visi Penang2030.

“Sektor perkhidmatan seperti penyelenggaraan kapal, bekalan, keselamatan dan perkhidmatan sokongan kepada krew kapal dijangka akan menjana peluang pekerjaan baharu termasuk



KETUA Menteri dan barisan jemputan kehormat pada Majlis Pelancaran Projek Naik Taraf SPCT di sini baru-baru ini.

pengendali bas pelancongan, teksi, beca dan lain-lain medium pengangkutan tempatan.

“Saya berharap, SPCT akan menjadi hab serta ‘homeport’ yang akan memacu industri kapal pelayaran dunia,” zahir Kon Yeow.

Dalam pada itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, projek naik taraf SPCT adalah manifestasi Kementerian Pengangkutan (MoT) dalam menambah baik industri kapal persiaran di Malaysia.

(Sambungan di muka 3).



LAKARAN artis setelah Projek Naik Taraf SPCT disempurnakan kelak.

Nilai perpaduan, keharmonian warnai majlis rumah terbuka

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

BERKONGSI KEGEMBIRAAN....

Sambutan hari kedua Tahun Baru Cina meriah dengan Majlis Rumah Terbuka Y.A.B. Ketua Menteri yang berlangsung meriah dan penuh dengan nilai perpaduan serta harmoni.

Menjadi tetamu kehormat majlis tersebut ialah Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir sama, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Ahli-ahli Parlimen dan seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Malah, umum yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa turut memenuhi lokasi pengajuran dengan mengenakan persalinan menarik serta tradisional. Selain acara tradisi lor sang oleh para jemputan khas, para tetamu turut dihiburkan dengan pelbagai acara menarik.

Sementara itu, tuan rumah, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam ucapannya menzhirkan rasa gembira melihat masyarakat majmuk di Pulau Pinang bersama-sama memeriahkan sambutan tahun baru tersebut.

"Saya gembira melihat kepelbagaian kaum, umur dan golongan bersama-sama berada di sini memeriahkan



GAMBAR berkumpulan yang dirakam sebagai kenangan.



DR. Abdul Rahman Abbas (barisan depan, kanan sekali) sambil diiringi Ketua Menteri dan Law Choo Kiang (dua dari kiri) serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain menyempurnakan acara lor sang pada Majlis Rumah Terbuka YAB Ketua Menteri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



PERSEMBAHAN tarian singa yang memukau.

sambutan Tahun Baru Cina ini.

"Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha menjaga kesejahteraan rakyat jelata," ujarnya.

Hala tuju perkasa sistem penyampaian maklumat

GEORGE TOWN — Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo mempengerusikan Mesyuarat Penerangan Negeri (Zon Utara) bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini pada 31 Januari lalu.

Selain membincangkan hala tuju Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), mesyuarat tersebut turut memberi fokus terhadap peranan jabatan-jabatan negeri dan persekutuan dalam memperkasakan lagi sistem penyampaian maklumat kepada rakyat.

Menurut Gobind, adalah menjadi peranan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat berkaitan dasar-dasar atau program-program baharu Kerajaan Persekutuan kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Malah, beliau turut menyarankan agar pendekatan baharu digunakan dalam sistem penyampaian maklumat bagi memastikan ia lebih berkesan serta mampu memberi perspektif kepada rakyat mengenai usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Salah satunya adalah melalui media sosial bagi memastikan segala inisiatif dilakukan oleh pihak kerajaan sampai ke pengetahuan rakyat," ujarnya yang mahu melihat lebih banyak pendekatan baharu digunakan bagi menyampaikan maklumat berkaitan.

Selain itu, turut dibincangkan adalah langkah bagi mengekang penularan berita palsu termasuk tindakan yang boleh diambil kepada pelaku.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang merupakan Exco Komunikasi Negeri berkongsi pengalaman pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang (dahulunya Pakatan Rakyat) dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat setelah mengambil alih tumpukan pentadbiran.

Turut berkongsi pengalaman ialah Exco Komunikasi, Multimedia dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Perak, Hasnul Zulkarnain Abd. Munaim dan Exco Penerangan, Komunikasi & Multimedia, Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah, Mohd. Firdaus Ahmad.



KETUA MENTERI bersama-sama Gobind Singh Deo (dua dari kiri) merakam gambar kenangan sebelum mempengerusikan Mesyuarat Penerangan Negeri (Zon Utara) di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Mesyuarat Penerangan Negeri Zon Utara adalah yang kedua setelah

mesyuarat sama diadakan bagi Zon Selatan baru-baru ini.

Langkah kontigensi proaktif demi pastikan bekalan air cukup

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

Gambar : PBA

GEORGE TOWN — Memandangkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang masih menurun meskipun pembenihan awan dilaksanakan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) memulakan langkah kontigensi proaktif bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga bulan April 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pihaknya telah memulakan langkah kontigensi proaktif dengan meminimumkan pelepasan air dari dua empangan, iaitu Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

"Amaran pertama kepada orang awam dikeluarkan pada 15 Januari 2020 dan sejak itu, PBAPP telah meminimumkan pelepasan air dari empangan bagi memanjangkan 'jangka hayat' simpanan strategik kemarau di Pulau Pinang."

"PBAPP juga telah mengoptimumkan pengeluaran air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) terbesar di Pulau Pinang iaitu LRA Sungai Dua yang mana purata pengeluaran air adalah 950 juta liter sehari (MLD) sejak 1 Januari 2020.

"Langkah ini adalah bagi memastikan tiada isu bekalan air di Pulau Pinang walaupun pelepasan dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang diminimumkan," ujarnya dalam suatu kenyataan pada 29 Januari 2020 di sini.

Selain itu, menurut Jaseni, PBAPP turut



EMPANGAN Mengkuang.

membuat pelepasan air secara strategik dari Empangan Mengkuang iaitu antara 50 MLD dan 100 MLD sejak 8 Januari 2020 bagi menambah abstraksi harian air mentah dari Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang.

"Malah, PBAPP turut memulakan inisiatif pengurusan tekanan untuk menyederhanakan penggunaan air di seluruh negeri.

"(Dan) sekiranya ada peningkatan mendadak dalam penggunaan air, beberapa kawasan pinggir bandar yang terletak di kawasan lebih tinggi mungkin mengalami tekanan air rendah.

"Walau bagaimanapun, setiap pengguna air berdaftar di Pulau Pinang harus terus menerima



PARAS normal bagi Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang adalah 2.0 meter ke atas namun jatuh ke paras 1.46 meter pada 28 Januari 2020 meskipun pembenihan awan dilakukan.

bekalan air 24 jam setiap hari," katanya yang memohon agar semua rakyat di negeri ini menyokong usaha penjimatkan air berkenaan.

Dalam pada itu, tambah Jaseni, pihaknya juga memohon supaya operasi pembenihan awan dapat diteruskan di Kedah dan Pulau Pinang.

"Operasi pembenihan awan ini penting untuk menghasilkan kesan serta-merta dan mengurangkan risiko musim kemarau berpanjangan.

"Walaupun musim monsun barat daya dijangka pada bulan April 2020, namun ketibaan sebenarnya dan jumlah hujan yang

dibawa tidak dapat dipastikan dengan tepat," jelasnya.

Sehubungan itu, Jaseni turut menyeru agar semua rakyat dapat menggunakan air secara berhemah dalam tempoh dua hingga tiga bulan ini bagi mengekang kemungkinan berlakunya catuan air.

"Pulau Pinang tidaklah berada dalam keadaan bahaya catuan air, namun kita tidak boleh berpuas hati dan perlu mengelakkan catuan air dalam apa keadaan sekalipun," tegasnya.

Sila layari laman sesawang www.pba.com.my untuk tip-tip jimat air.

(Dari muka 1).

Tambah baik industri kapal persiaran, jana peluang pekerjaan

"Malah, projek ini merupakan salah satu langkah untuk menterjemahkan aspirasi kerajaan dalam melaksanakan Dasar Pengangkutan Negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Oktober 2019.

"Industri kapal persiaran memainkan peranan penting dalam sektor pelancongan sejak 10 tahun lalu, malah turut menyaksikan peningkatan jumlah penumpang pada kadar purata 14 peratus setahun.

"Menjelang tahun 2035, dianggarkan 4.5 juta penumpang kapal persiaran akan belayar di seluruh Asia Tenggara dan jumlah ini termasuk kapal persiaran yang bakal singgah di

pelabuhan negara," jelasnya yang menyasarkan sebanyak 19 kapal persiaran baharu bakal beroperasi mulai tahun ini.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Ketua Setiausaha MoT, Datuk Isham Ishak; Pengurus PPC, Jeffrey Chew Gin Eam; Pengurus Besar PPC, Monaliza Suhaimi; Pengurus PPSB, Datuk Syed Mohamed Syed Murtaza dan Pengarah Urusan Kumpulan MMC, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh antara yang turut sama dalam majlis berkaitan.

Dalam majlis sama, turut diumumkan penyerahan gudang lama kendalian PPC kepada Solaris Consortium Sdn. Bhd. (Solaris), iaitu anak syarikat *Ideal Property*

Group, untuk membaik pulih dan menguruskan Gudang 5, 7 dan 8 bagi pajakan selama 30 tahun.

Pengerusi Eksekutif Solaris, Tan Sri Alex Ooi Kee Liang yang ditemui pada majlis penerimaan surat penyerahan gudang menyatakan bahawa projek pengubahsuaian dikenali sebagai '*Swettenham Quay*' itu akan menukar kawasan gudang lama menjadi tarikan pelancong dengan kos pembangunan dijangkakan RM98 juta.

"Ia termasuk kedai makanan serta minuman, kedai runcit bagi memasarkan produk tempatan dan juga persiaran kepada pengunjung untuk menikmati pengalaman membeli-belah di sini," ulasnya.

SEBELUM



PERBANDINGAN keadaan gudang lama yang bakal dinaik taraf.

SELEPAS



Pulau Pinang bangunkan 19 projek demonstrasi 5G

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN – Pulau Pinang mula membangunkan 19 projek demonstrasi 5G membabitkan peruntukan berjumlah RM23.2 juta melalui kerjasama dengan tujuh syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) negara.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata, kos bagi pelaksanaan projek-projek berkenaan dibiayai sepenuhnya oleh tujuh syarikat telco berkaitan.

“Projek-projek ini melibatkan kes kegunaan kerana rangkaian 5G adalah teknologi baru.

“Tujuan kita laksanakan kes kegunaan adalah untuk membuktikan penggunaan 5G dalam sektor-sektor yang mempunyai unsur-unsur komersial seperti peningkatan pengeluaran dan perubatan.

“Di Pulau Pinang, kita telah memilih tiga industri yang boleh memanfaatkan 5G iaitu bandar pintar,

perindustrian dan pelancongan,” jelasnya pada sidang media selepas merasmikan Sesi Taklimat Infrastruktur Telekomunikasi di sini pada 4 Februari lalu.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Nur ‘Aishah Md. Norodin dan Ahli Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Prof. Dr. Tharek Abdul Rahman.

Mengulas lanjut, Zairil menjelaskan bahawa sebuah syarikat telco yang ingin melabur dalam infrastruktur 5G akan memastikan mereka mendapat pulangan pelaburan menerusi kes-kes kegunaan tersebut.

“Kita mahu pastikan Pulau Pinang bersedia untuk 5G sebelum September (tahun ini) kerana kita akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran *World Congress on Information Technology (WCIT) 2020*,” katanya.

Difahamkan, 19 projek berkenaan akan dilaksanakan melalui kolaborasi antara Celcom Axiata Berhad, U Mobile Sdn. Bhd., Digi Telecommunications Sdn. Bhd., YTL Communications Sdn. Bhd., Maxis Broadband Sdn. Bhd., Telekom Malaysia Berhad dan edotco Malaysia Sdn. Bhd. dengan agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Malaysia Airports Holdings Berhad, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Prasarana Malaysia Berhad serta Perbadanan Bukit Bendera.

Selain itu, terdapat juga projek yang dilaksanakan dengan kerjasama kilang-kilang seperti Clarion Sdn. Bhd., Intel Technology dan Hotayi Electronic Sdn. Bhd..

Tambah Zairil, Kerajaan Negeri juga sedang merangka Pelan Induk Kesalinghubungan Pulau Pinang (PCMP) untuk memastikan penyediaan liputan melalui rangkaian fiber kepada semua



ZAIRIL KHIR JOHARI (dua dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil-wakil syarikat telco yang membangunkan projek demonstrasi 5G di negeri ini pada Majlis Perasmian Sesi Taklimat Infrastruktur Telekomunikasi dekat sini baru-baru ini.

lapisan masyarakat di negeri ini.

“Bagi memastikan gentian dipasang di setiap rumah adalah mahal, jadi Kerajaan Negeri perlu melihat cara lain untuk memperkenalkan sambungan gentian optik seperti memasang kabel gentian melalui sistem perparitan dan aerial.

“Kami melakukan beberapa projek perintis di Minden Heights

dan Butterworth yang mana kita dapatkan ia adalah salah satu cara dengan kos lebih efektif untuk menyediakan rangkaian fiber kepada rakyat dengan lebih pantas.

“Walau bagaimanapun, kita perlu lakukan ini dalam persekitaran yang terkawal, tampil dengan garis panduan dan pastikan ia tidak mengganggu pihak berkuasa tempatan,” jelasnya.

Pertanian bandar, hasil tani organik dan selamat

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

AIR PUTIH – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mahu penduduk di bandar menggerakkan program pertanian bandar yang lebih organik.

Jelasnya, usaha tersebut dilihat sesuatu yang boleh mendatangkan keuntungan dan memberi kesan kepada penurunan harga makanan berkaitan.

“Kebaikan *urban farming* ini adalah kerana ia kategori organik yang mana tahap harganya bagi saya masih tinggi kerana kurangnya penghasilan tetapi permintaan adalah tinggi.

“Jadi sekarang kita kena bergerak ke arah bekalan makanan organik pada harga mampu milik supaya rakyat biasa dapat nikmati makanan organik yang lebih sihat.

“Ekoran itu, kita nampak *urban farming* ini boleh menggalakkan pertanian organik dan apabila ia telah banyak diusahakan, saya nampak masa itu harganya dapat diturunkan,” ujar Afif pada lawatan ke tapak Program Pertanian Bandar Komuniti Kampung Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rohaizat Hamid.

Tze Tzin dalam sidang media memberitahu, kini terdapat 585 projek pertanian bandar seluruh negara di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melibatkan 13,700 pengusaha.


“Di Malaysia, sudah sampai masanya kita mencontohi negara-negara maju apabila mereka lebih mengutamakan produk tanaman tempatan kerana mereka tahu ia lebih selamat serta berkualiti.

“Biar pun mungkin mahal sedikit, asalkan mereka tahu ia bersih dan selamat seperti tanaman organik ini maka umum akan beli.

“Serentak itu, kerajaan juga menyediakan dana sebanyak RM3 juta setahun bagi membantu projek-projek pertanian bandar melibatkan pembelian baja, tanah, dan lain-lain bagi menggalakkan rakyat bercucuk tanam walaupun tinggal di kawasan bandar,” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bayan Baru.

Pada sesi tersebut, Afif dan Tze Tzin dibawa melawat ke projek tanaman bandar bertingkat yang mengusahakan tanaman seperti sawi, bayam, kangkung, pisang dan lain-lain.

TANAMAN organik.



DR. AFIF BAHARDIN (kanan sekali) dan **SIM TZE TZIN** (dua dari kanan) pada sesi lawatan ke tapak Program Pertanian Bandar Komuniti Kampung Baru di sini baru-baru ini.



Pegawai Penyelaras Khas, bersama-sama sampaikan dasar kerajaan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

PULAU BETONG - Mantan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Gooi Seong Kin dilantik sebagai Pegawai Penyelaras Khas Kepada Y.A.B. Ketua Menteri bagi kawasan Balik Pulau berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Pelantikan tersebut diumumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sejurus menyantuni para peniaga serta pengunjung Pasar Awam Balik Pulau dan Astaka Pasar MBPP di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai pelantikan tersebut, Kon Yeow berkata bahawa ia adalah bagi bersama-sama wakil rakyat setempat memperkuatkannya pasukan Pakatan Harapan di kawasan berkaitan.

“Saya percaya tiga ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) di bawah Parlimen Balik Pulau sentiasa berusaha sedaya-upaya melaksanakan tugas.

“Pelantikan Pegawai Penyelaras Khas dan Ahli-ahli Majlis MBPP dari kawasan Balik Pulau adalah untuk memperkuatkannya lagi pasukan ini.

“Sebelum ini, Pegawai Penyelaras Khas sememangnya dilantik di kawasan Kepala Batas, Tasek Gelugor untuk membantu mewakili Kerajaan Negeri mendampingi rakyat, menyampaikan dasar-dasar kerajaan dan menjadi platform yang mana isu-isu boleh dibawa ke perhatian wakil rakyat, Kerajaan Negeri serta agensi-agensi perkhidmatan

lain,” jelasnya pada sidang media di sini 4 Februari lalu.

Selain Seong Kin, turut serta ialah Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar, Teh Lai Heng; Mohd. Tuah Ismail (ADUN Pulau Betong); Azril Mahathir Aziz (ADUN Bayan Lepas); Zolkifly Md. Lazim (ADUN Teluk Bahang) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Seong Kin sebelum ini merupakan Ahli Majlis MBPP selama sembilan penggal dan mempunyai pengalaman luas.

Justeru, Kon Yeow melahirkan harapan agar dengan pelantikan tersebut, tidak ada lagi pihak di kawasan Balik Pulau khususnya akan tercincir daripada segala perkhidmatan serta program-program anjuran Kerajaan Negeri.

“Saya percaya dalam beberapa tahun kelonggongan ini pun, Balik Pulau menyaksikan banyak perubahan daripada segi pembangunan dan produk-produk pelancongan.

“Oleh demikian, diharap pasukan di Balik Pulau dan Daerah Barat Daya ini akan memainkan peranan dengan baik untuk memastikan sokongan terhadap Pakatan Harapan di kawasan ini kekal dalam kedudukan baik serta selesa,” ujarnya.

Kon Yeow sebelum itu meluangkan masa hampir satu jam beramah-mesra dan mengedarkan limau mandarin sempena sambutan Tahun Baru Cina dengan para peniaga dan pengunjung di sini.

PENDAFTARAN PREMIS MAKANAN

Tahukah anda semua premis makanan perlu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia?

Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 di bawah Akta Makanan 1983:

Semua premis makanan WAJIB DIDAFTARKAN dengan Kementerian Kesihatan Malaysia

PREMIS MAKANAN



BAGAIMANA MENDAFTAR?

Pendaftaran adalah **PERCUMA**.
Pendaftaran boleh dibuat melalui:
fosimdomestic.moh.gov.my



Jika Tidak
Mematuhi Denda Tidak
Melebihi **Rm 10,000** Atau
Penjarा Tidak Melebihi
2 Tahun.

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

f BKKMHQ t BKKMPutrajaya o fsq.moh.gov.my

IKAN BUNTAL : SELAMAT ATAU TIDAK?



Bahaya Racun Tetrodotoxin Dalam Ikan Buntal



Terdapat di dalam **telur (ovaries)**, **hempedu**, **hati**, **usus** dan **kulit** ikan buntal.



Boleh **mencemari isi ikan buntal** sekiranya bahagian yang mengandungi racun tetrodotoxin tersebut **terluka/terpotong semasa proses menyiang**.

Nasihat pada pengguna :

- Pastikan ikan buntal disiang dengan cara yang betul dan selamat
- Jangan makan jika tidak yakin ianya selamat
- Sekiranya pengguna mengalami simptom (tanda dan gejala) yang berkaitan dengan pengambilan ikan buntal segera dapatkan rawatan.



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

f BKKMHQ

t BKKMPutrajaya

o fsq.moh.gov.my



Sila isi butiran berikut:

Nama :
 No. My Kid/ Kad Pengenalan:
 Alamat:
 Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: (Bimbit)
 No. Telefon : (Rumah)
 Emel:

Termasuk Syarat Peraduan:
 1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **15 Februari 2020** hingga **15 April 2020**.
 2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
 3. Hanya barang penyertaan sah boleh digunakan.
 4. Peserta boleh menghantarkan beberapa banyak penyertaan.
 5. Hasil lukisan akan menjadi hak pengangsur.
 6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
 7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengangsur adalah tidak sah.
 8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
 9. Alamatkan semua barang penyertaan kepada:
 Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
 Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiyah:

Pertama: RM250
Kedua: RM150
Ketiga: RM100
10 Hadiah Saguhati

Yi Shuen ungguli WIMO, Tokyo

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : CHAN KOK KUAN

YEOH Yi Shuen merupakan salah seorang daripada sembilan pelajar yang berjaya mengharumkan nama negara apabila dinobatkan sebagai juara dunia sekaligus melayakkan beliau menerima Anugerah Emas bagi Pertandingan Olimpiad Matematik Antarabangsa Sedunia (WIMO) yang berlangsung di Tokyo, Jepun pada Disember tahun lalu.

Berusia 9 tahun, pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kwang Hwa, Sungai Nibong dekat Batu Uban tersebut agak pemalu namun tidak lokek dengan senyuman.

Ditemani ibu, Chong Lee San dan bapanya, Yeoh Khai Soon serta Guru Besar SJKC Kwang Hwa, Leong Sook Luan, semuanya menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian Yi Shuen.

“Yi Shuen mula meminati nombor sejak berusia lima tahun dan mungkin minat itu diwarisi daripada bapanya, seorang ahli perniagaan.

“Daripada (detik) itu, kami melihat potensinya lalu menghantarnya ke kelas Olimpiad Matematik.

“(Dan) sehingga kini, beliau (Yi Shuen) sudah menyertai kira-kira 18 pertandingan Mathematic Olympiad yang diadakan di dalam dan luar negara,” cerita ibunya.

Difahamkan, sebelum menyertai WIMO, Yi Shuen turut menyertai pertandingan lain antaranya, SEAMO (South East Asia Mathematic Olympiad) dan HKIMO (Hong Kong International Mathematic Olympiad).

Mengulas lanjut, Lee San memaklumkan bahawa anaknya telah menyertai SEAMO sebanyak empat kali sejak berusia lima tahun.

“Setelah memenangi Anugerah Emas di SEAMO dan HKIMO, barulah Yi Shuen layak menyertai WIMO yang diadakan baru-baru ini di Jepun bagi kategori Primary 2,” katanya.

Bercakap mengenai jadual harian, Lee San memberitahu bahawa anaknya meluangkan masa kira-kira satu jam setengah bagi menghadiri kelas Mathematic Olympiad pada hujung minggu.

Ditanya mengenai sasaran ketika anaknya menyertai WIMO, Lee San menyatakan bahawa beliau tidak meletakkan apa-apa harapan tinggi kepada anaknya itu.

“Cuma saya berharap beliau dapat lakukan yang terbaik untuk dirinya sendiri, tetapi rezeki menyebelahi Yi Shuen apabila berjaya mendapat anugerah emas dalam penyertaan WIMO kali pertama ini.”

“Konsep Mathematic Olympiad ini sedikit berbeza dengan matematik biasa, kerana ia melibatkan pemikiran analitik dan penyelesaian masalah dalam kalangan peserta,” jelas suri rumah sepenuh masa tersebut yang turut memastikan anak tunggalnya menguasai lain-lain subjek di sekolah.

Selain meminati matematik, Yi Shuen turut berkongsi minatnya dalam sukan renang dan membaca buku.

“Dalam subjek akademik, saya meminati bahasa Inggeris dan



YEOH Yi Shuen menunjukkan Anugerah Emas yang dimenangnya dalam WIMO yang berlangsung di Tokyo, Jepun pada Disember tahun lalu.

Sains.

“(Dan) apabila besar nanti, saya mahu menjadi seorang guru matematik supaya saya boleh mengajar subjek ini kepada lebih ramai orang,” jawabnya apabila ditanya mengenai hobi masa lapang serta cita-cita apabila dewasa kelak.

Sementara itu, Sook Luan ketika ditemui menzahirkan rasa bangga dan berharap kejayaan Yi Shuen dapat dijadikan teladan baik kepada pelajar-pelajar lain di sekolah.

“Memandangkan sekolah ini adalah sekolah berprestasi tinggi, maka pihak sekolah amat menggalakkan para pelajarnya untuk menyertai apa jua pertandingan termasuk Olimpiad Matematik ini,”



A. Kumaresan (dua dari kanan) sambil ditemani guru serta wakil-wakil berkaitan menyampaikan saguhati penghargaan kepada Yeoh Khai Soon (kanan sekali) pada pertemuan di sini baru-baru ini.

ulasnya.

Dalam pertemuan itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Batu Uban, A. Kumaresan secara peribadi menzahirkan rasa kagum terhadap kejayaan Yi Shuen.

“Pencapaian Yi Shuen bukan sesuatu yang mudah kerana saya percaya peserta yang menyertai pertandingan tersebut bukan calang-calang tambahan pulak semuanya berbeza negara dari seluruh dunia,” ujarnya yang turut menyampaikan saguhati kepada Yi Shuen kerana berjaya mengharumkan nama Pulau Pinang dan negara.



Oleh: AZMI HUSSIN

PDC rangka pelan strategi, tinjau peluang bidang perniagaan baru



KAKITANGAN PDC yang turut memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PDC di sini baru-baru ini.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PANTAI JEREJAK - Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang merangka pelan strategi baru yang lebih komprehensif terutamanya membabitkan sektor pembangunan perindustrian bagi memenuhi keperluan para pelabur.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pihaknya telah menerima pelan strategi berkenaan dan melalui beberapa rangka yang telah digariskan, beliau yakin bahawa tindakan susulan tersebut mampu memberikan pulangan pendapatan lebih baik kepada PDC dalam tempoh jangka masa panjang.

Menurutnya, Kerajaan Negeri amat yakin PDC yang merupakan agensi pembangunan sosioekonomi negeri mampu terus memacu pembangunan berkualiti demi manfaat menyeluruh rakyat Pulau Pinang.

“Bagi memenuhi keperluan para pelabur, cadangan untuk menambah baik kawasan-kawasan pembangunan sedia ada turut akan diteliti sebagai usaha tambahan bagi meningkatkan taraf hidup serta kualiti prasarana bagi kemudahan dan keselesaan rakyat.

“Diharap dengan terlaksananya pelan ini, maka matlamat PDC sempena ulang tahun ke-50 untuk menjadi sebuah badan perniagaan lebih mampan

dan menjana sumber kewangan atau pelaburan yang banyak akan dapat dicapai,” ujar Kon Yeow pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PDC di sini 3 Februari lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abdul Kahar dan Ketua Pegawai Eksekutif investPenang, Dato' Loo Lee Lian.

Mengulas lanjut mengenai pelan strategi berkenaan, pada sidang media berasingan, Mohd. Bazid menjelaskan bahawa pihaknya (PDC) perlu beralih serta menukar gaya operasi dan juga pentadbiran sedia ada, memandangkan 2020 merupakan tahun yang amat mencabar.

“PDC perlu beralih daripada apa yang dilakukan sebelum ini kepada sesuatu yang baru, semestinya kita (PDC) meninjau peluang-peluang baru yang dapat mendatangkan (menjana) pendapatan kepada PDC dan seterusnya membantu Kerajaan Negeri.

“Sebagai sebuah anak syarikat kepada Kerajaan Negeri, adalah menjadi tanggungjawab PDC untuk melaksanakan projek-projek yang dapat memberikan pulangan, sekaligus menjamin kemampuan PDC serta Kerajaan Negeri

“Antara bidang-bidang tersebut seperti sektor penyumberan luar perniagaan global... malah kita (PDC) memiliki kawasan-kawasan pembangunan yang membolehkan usahasama untuk pembangunan semula kawasan perumahan ataupun industri,” jelasnya sebagai menjawab soalan pemberita.

Pulau Pinang pusat perkhidmatan ketiga *UST Global*



AMAR Chhajer (berkot biru) memberikan penerangan kepada Ketua Menteri pada sesi lawatan khas ke Makmal Infiniti, UST Global di sini baru-baru ini.

BATU MAUNG - Penyedia penyelesaian transformasi digital, *UST Global* melancarkan Makmal Infiniti pertama yang merupakan rangkaian makmal berinovasi di Malaysia dan Asia Tenggara baru-baru ini.

Pelancaran tersebut menjadikannya pusat perkhidmatan (*delivery centre*) ketiga syarikat berkenaan di Pulau Pinang.

Country Head *UST Global* Malaysia, Amar Chhajer berkata, makmal di Pulau Pinang bakal menumpukan kepada penyelesaian masalah berdasarkan inovasi bagi menyokong perniagaan berasaskan transformasi digital.

“Malah, ia juga menjadi batu loncatan persekitaran kolaborasi untuk pekerja, akademik dan ekosistem rakan kongsi.

“Kecanggihan teknologi kini membolehkan para jurutera menyelesaikan masalah perniagaan yang kritis untuk pelanggan *fortune* dan 2,000 pelanggan global.

“Para pelanggan boleh memanfaatkan keupayaan inovasi Makmal Infiniti ini dengan melibatkan Kecerdasan Buatan (AI), pembelajaran berhubung mesin, *augmented/mix reality*, proses automasi robot, keselamatan siber, *Internet of Things (IoT)*, *blockchain*, *big data engineering* dan pelbagai lagi,” ujarnya pada Majlis Perasmian Makmal Infiniti di sini baru-baru ini.

Makmal berkaitan strategiknya terletak di kampus Mini-Circuits yang juga merupakan pejabat kedua *UST Global* di Pulau Pinang.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Ketua Pegawai Eksekutif *UST Global*, S. Krishna dan Ketua Pegawai Operasi *UST Global*, V. Alexander turut hadir sama pada majlis berkenaan.

Kon Yeow dalam ucapannya memuji inisiatif *UST Global* dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat penyelesaian transformasi digital dan IoT bagi pelanggan di Asia Tenggara.

“Pengembangan *UST Global* membuktikan bahawa Pulau Pinang kekal kukuh sebagai lokasi pilihan pelabur, yang mana negeri menawarkan persekitaran yang kondusif untuk syarikat-syarikat *Global Business Services (GBS)* bagi membolehkan pihak berkaitan mengembangkan operasi secara mampan di sini.

“Malah, Pulau Pinang terus mencatatkan pelaburan yang teguh dan pelaburan semula daripada syarikat berdasarkan GBS yang ditubuhkan sejak 15 tahun lalu.

“Saya percaya GBS boleh menjadi pemangkin kepada ekonomi berpendapatan tinggi serta berdasarkan pengetahuan untuk negeri Pulau Pinang,” jelasnya.

UST Global yang beribu pejabat di Amerika Syarikat mempunyai lebih 23,000 kakitangan di seluruh dunia. Memulakan operasi di Malaysia pada tahun 2006 dan pusat pertamanya di Pulau Pinang pada tahun 2011, telah menjadikan *UST Global* berkembang sebagai salah satu pusat perkhidmatan terbesar.

PERLUKAN MODAL TAMBAHAN? INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN? DAPATKAN PINJAMAN PERNIAGAAN SEGERA!!! TANPA CAGARAN DAN PENJAMINAN MUDAH DAN TIDAK MEMBEANKAN TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM

SKIM PINJAMAN HARAPAN NEGERI PULAU PINANG

PINJAMAN PERNIAGAAN DARI RM 1,000.00 HINGGA RM 25,000.00

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai lesen Perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenarai hitam (CTOS)

HUBUNGI SEGERA: BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366



ANTARA kelengkapan yang dipamerkan di dalam Makmal Infiniti *UST Global*.

LUNA Lights Wonderland kini di Upcycle Park MBSP

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : MBSP

SEBERANG JAYA - Pesta lampu LED, LUNA Lights Wonderland yang lazim diadakan di Putrajaya, kini dianjurkan di Taman Upcycle MBSP.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP),



SUASANA di Taman Upcycle MBSP.

Dato' Sr. Rozali Mohamud berharap penganjuran acara yang julung kalinya diadakan tersebut dapat menambahkan lagi tarikan pengunjung ke Seberang Perai, selain meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

"Kita (MBSP) berjaya mengubah kawasan (koridor hijau berkeluasan kita-kira 9,684.5 meter persegi)... dari kawasan yang suram dan gelap menjadi kawasan cerah yang begitu menarik untuk penduduk serta pengunjung beriadah termasuk pada waktu malam," jelasnya ketika merasmikan acara tersebut di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu bahawa pesta lampu LED itu berlangsung selama 17 hari sehingga 23 Februari 2020 dengan bayaran masuk RM8 untuk dewasa dan RM4 untuk kanak-kanak.

Sebelum itu, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut merakamkan penghargaan atas penganjuran pelbagai acara menarik hingga menggigit ramai pengunjung ke Kawasan



SR. Rozali Mohamud (tujuh dari kiri), Dr. Afif Bahardin (lapan dari kiri) bersama-sama barisan tetamu kehormat utama lain dalam acara perasmian pembukaan LUNA Lights Wonderland di Upcycle Park MBSP baru-baru ini.

Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

Konsulat Besar Thailand ke Malaysia, Raschada Jowalai dan Pengasas LUNA Lights Wonderland turut serta dalam acara perasmian pesta lampu LED tersebut.

PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN :

"PENANG SOUTH ISLANDS" - ILUSTRASI ANDA


Scissors icon:

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Penang South Islands" - ilustrasi anda.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Keputusan juri adalah muktamad.
11. Tarikh tutup penyertaan, 15 April 2020.

Sila isi butiran berikut:

Nama : _____
No.Kad Pengenalan : _____
Alamat : _____
No. Telefon :(Rumah) _____ (Bimbbit) _____
Emel: _____

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.



Sila isi butiran berikut:

Nama : _____
No.Kad Pengenalan : _____
Alamat : _____
No. Telefon :(Rumah) _____ (Bimbbit) _____
Emel: _____

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.

Digital Maker Hub, MakerSpace pupuk minat STEAM



DUA pelajar teruja menggunakan teknologi pembelajaran disediakan.



GOBIND Singh Deo (berkemeja putih) bersama-sama Zairil Khir Johari (berdiri di hadapan, kanan) memerhatikan salah satu projek para pelajar bersempena Majlis Perasmian Digital Maker Hub, MakerSpace Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

PULAU BETONG - Pendekatan Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mewujudkan Digital Maker Hub, MakerSpace Balik Pulau dilihat sebagai satu langkah terbaik dalam memupuk minat para pelajar luar bandar terhadap mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM).

Perkara tersebut dinyatakan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Gobind Singh Deo ketika berucap pada Majlis Perasmian Digital Maker Hub, MakerSpace Balik Pulau di sini 30 Januari lalu.

“Saya datang ke Pulau Pinang dan seperti biasa, Pulau Pinang sememangnya mendahului dalam perkara seperti ini (STEAM).

“Apabila berbincang dengan Ketua Menteri (Y.A.B.) Tuan Chow Kon Yeow), beliau juga melihat bagaimana kita boleh bawa sekolah-sekolah untuk menyertai program komputer dari luar negara seperti Perancis. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah kerajaan pintar, kerajaan masa depan dan kerajaan yang boleh menyediakan masyarakat Pulau Pinang berdepan cabaran masa depan.

“Dan, saya di peringkat (kerajaan) Pusat akan terus bekerjasama dan menyalurkan apa sahaja bantuan yang termampu supaya kita dapat bersama-sama jayakan misi serta visi bagi memastikan Malaysia bersedia serta berjaya dalam zaman teknologi akan datang,” ujarnya yang turut berharap negeri-negeri lain dapat mencontohi Pulau Pinang dalam mewujudkan Digital Maker Hub, MakerSpace Balik Pulau.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Datuk Bandar bagi MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Pengurus Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Dr. Sumitra Nair.

Tung Seang dalam pada itu menyatakan bahawa Digital Maker Hub, MakerSpace Balik Pulau memberi fokus pendedahan kepada anak tempatan di kawasan berkaitan.

“Sejak dilancarkan pada 7 Mac 2019, 31 sekolah daripada 52 institusi pendidikan sekitar daerah Barat Daya telah mengambil bahagian, malah kita juga mengadakan kolaborasi bersama-sama pihak swasta seperti Penang

Science Cluster, Intel, Jabatan Pendidikan (Negeri), Politeknik (Balik Pulau) untuk menjadi pelatih di sini.

“Setakat ini, kira-kira 2,000 pelajar telah mendapat manfaat daripada program tersebut dan kini kita turut

memperoleh perhatian daripada YB Menteri dan MDEC.

“Jadi, kita harap bahawa kita boleh beri peluang kepada anak-anak kita untuk bersiap-sedia berdepan dengan zaman teknologi,” ulasnya.

INFOGRAFIK MAMMO PENANG

MAMMO PENANG
"Semangti Jiwita Pulau Pinang"

1 APA ITU MAMMO PENANG
Program saringan mammogram percuma untuk wanita Pulau Pinang yang berumur 35 tahun dan ke atas.

2 BILA BERMULA?
2019 - 2022

3 SIAPAKAH YANG LAYAK?
Wanita yang berumur 35 tahun dan ke atas & bermastautin di Pulau Pinang atau seorang pengudi di negeri ini.

4 MENGAPA SAYA PERLUKAN MAMMOGRAM?
Mammogram dapat mengesan kanser payudara pada peringkat awal sebelum simptom & ketumbuhan dapat dirasai pada payudara dan mengurangkan risiko kematian disebabkan kanser payudara.

5 BAGAIMANA SAYA MAHU MENYERTAI PROGRAMINI?
Daftar di klinik Nur Sejahtera LPPKN & di Pusat Khidmat KADUN

6 JIKA LAYAK?
Pemohon yang layak akan menjalani pemeriksaan payudara klinikal oleh jururawat.
LPPKN tetapkan temujanji dengan pusat mammogram yang berdaftar dengan LPPKN.
Antaranya:
• Lam Wah Ee
• Gleneagles Medical Centre
• Bagan Specialist Centre
• Pusat Diagnostik Anda
• Penang Adventist Hospital
• KPJ Penang Specialist Hospital

7 PERSEDIAAN SEBELUM MENJALANI MAMMOGRAM?
• Lakukan pemeriksaan seminggu selepas haid kerana pada masa itu payudara kurang sensitif.
• Tidak menggunakan deodoran, bedak, minyak wangi, krim, pada bahagian dada & ketiak kerana ia akan menjelaskan keputusan mammogram.
• Tidak menyusu bayi dan mengandung.
• Pakai pakaian yang sesuai kerana pakaian atas perlulit ditanggalkan semasa pemeriksaan.

8 BAGAIMANA SEKIRANYA KEPUTUSAN MAMMOGRAM Saya ABNORMAL?
Anda akan dirujuk kepada hospital atau pusat perubatan untuk penyiasatan lanjut.
Keputusan mammogram abnormal tidak semestinya anda mempunyai kanser. Pakar akan melakukan penyiasatan lanjut dan akan memberi nasihat dan rawatan yang bersesuaian.

PENANG 2030 **LPPKN** **W** **PENANG SIHAT**

Mekanisme garis panduan pembangunan baru ditambah baik

Oleh :
NORSAHIDA YUSOFF
 Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

PAYA TERUBONG - Di bawah mekanisme garis panduan pembangunan baru, pihak pemaju yang membina projek melebihi 1,280 unit dikehendaki menyerahkan sebidang tanah kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan sekolah, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Beliau berkata, penambahbaikan mekanisme baharu tersebut diputuskan bulan lalu untuk memenuhi keadaan yang berbeza kini.

"(Serah tanah) ia bukanlah perkara baru, cuma penambahbaikan kepada dasar pembangunan sedia ada supaya proses ini menjadi lebih telus, cekap dan mencapai matlamatnya."

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri memerlukan satu mekanisme baru supaya dapat mengawal perkara ini agar satu keputusan 'menang-menang' dapat dicapai iaitu kementerian mempunyai tanah untuk membina sekolah, komuniti mendapat sekolah baru, pihak pemaju boleh memberi sumbangan dan tunaikan syarat-syarat yang

RUPA bentuk Sekolah Sinar Suria.



dikenakan oleh pihak Majlis Tempatan (pihak berkuasa tempatan, PBT).

"Jadi, peranan Kerajaan Negeri di sini adalah sebagai pemudah cara untuk menjadikan perkara (pembinaan sekolah) ini realiti," jelasnya sambil memaklumkan bahawa pada masa kini telah ada beberapa bidang tanah diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan berkaitan.

Kon Yeow berkata demikian pada sidang media sejurus merasmikan Majlis Penyerahan Sekolah Sinar Suria di Lilitan Sungai Ara dekat sini 8 Februari lalu.

Hadir sama, Menteri Kewangan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; ADUN-ADUN; Datuk Teh Cheng Lim (Presiden Persatuan



KETUA MENTERI, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para jemputan khas dan wakil-wakil berkaitan meneliti kepelbagaiannya yang terdapat di Sekolah Sinar Suria bersempena majlis penyerahannya di sini baru-baru ini.

Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang) dan Tan Sri Alex Ooi Kee Liang (Pengerusi Eksekutif Ideal Property Group).

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menjelaskan bahawa terdapat beberapa alternatif lain yang boleh dilakukan pihak pemaju berhubung mekanisme baharu tersebut.

"Kalau pemaju boleh serahkan (tanah) dalam tapak pembangunan baru sedia ada itu lebih baik, tapi jika tidak dapat serah tanah di kawasan sedia ada... mereka mempunyai pilihan untuk menyerahkan satu tapak lain yang berhampiran ataupun alternatif terakhir adalah dengan memberikan sumbangan kewangan setaraf dengan nilai tanah tersebut."

"Pembangunan adalah satu perkara yang dinamik, maka pemaju telah mohon (kepada Kerajaan Negeri) daripada memberikan sumbangan kewangan, mereka mahu membina bangunan (sekolah) dengan nilai sama... Kerajaan Negeri setuju," ulasnya.

Justeru, bagi memastikan mekanisme pelaksanaan tersebut dipantau dengan baik, Kon Yeow memberitahu bahawa serahan/bangunan/permohonan semestinya mendapat kelulusan pihak Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

"Misalnya, baru-baru ini Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pembangunan sebuah sekolah baru yang diberi nama Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tun Lim Chong Eu, ekoran itu, pihak Kerajaan Negeri telah diminta untuk mencari tanah supaya pihak Kementerian Pendidikan boleh membinanya sebagai sebuah sekolah bantuan penuh."

"Jadi sebagai Kerajaan Negeri kita perlu mencari tanah, dan kebiasaan kalau pemaju ada tanah yang disyarat untuk diserahkan, maka dua matlamat ini dapat dicapai... ada tanah serta ada matlamat untuk membina sekolah," jelasnya lanjut.

Difahamkan, pembinaan Sekolah Sinar Suria dibangunkan di atas tanah milikan Kerajaan Negeri seluas 1.37 ekar yang bernilai hampir RM20 juta (terkini) dan kini disumbangkan kepada Persatuan Kanak-kanak Terencat Akal Pulau Pinang.

Manakala, pembinaan bangunan sekolah berkenaan yang mencecah nilai RM10 juta telah disumbangkan oleh Ideal Property Group melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkaitan.

TARIKH KUATKUASA PERMULAAN
KUTIPAN CUKAI BAGI PETAK ATAU
BLOK SEMENTARA (HAKMILIK
STRATA) ADALAH PADA
1 JANUARI 2019

FAEDAH PELAKSANAAN CUKAI PETAK ATAU BLOK SEMENTARA

- ◆ Memudahkan pendaftaran urusniaga
- ◆ Memudahkan pembayaran cukai secara per unit (bagi setiap petak)
- ◆ Tidak perlu membayar cukai tanah kepada perbadanan pengurusan lagi

Untuk keterangan lanjut,
pihak tuan/puan boleh menghubungi:

PEJABAT TANAH DAN GALIAN
NEGERI PULAU PINANG

• <http://ptg.penang.gov.my>

Bahagian Hasil
• 04-650 5805

Bahagian Strata
• 04-650 5218

JOM, KEMASKINI ALAMAT
BIL CUKAI PETAK ANDAI!

layari:
<http://etanah.penang.gov.my>

PELAKSANAAN CUKAI PETAK DI NEGERI PULAU PINANG

PENANG 2030

Call Centre MBSP tingkat mutu perkhidmatan demi keperluan rakyat

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SEBERANG JAYA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji inisiatif Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mewujudkan 'call centre' bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Beliau berkata, dengan adanya 'call centre' berkaitan, ia akan menjadikan MBSP lebih efisien dalam menerima aduan serta menyampaikan perkhidmatan bagi menyelesaikan segala permasalahan penduduk, dan ini pastinya membabitkan perbelanjaan yang lebih banyak.

"Oleh itu, kita berharap agar pembayar cukai faham bahawa MBSP juga memerlukan peruntukan wang sumbangan daripada pembayar cukai sama ada melalui bayaran cukai pintu atau lain-lain (bayaran) bagi memastikan perkhidmatan disampaikan dengan baik."

"Setiap sen yang dipungut daripada pembayar cukai haruslah digunakan untuk perkara yang boleh membawa faedah kepada



KETUA MENTERI bersama-sama Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (dua dari kiri) merakam gambar kenangan sambil memegang plak maklumat Call Centre MBSP pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

penduduk di Seberang Perai.

"Inilah jaminan kita kepada pembayar cukai. Kita tidak akan gunakan wang pembayar cukai

segera sewenang-wenangnya, sebaliknya menterjemahkan ia kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih baik," ucapnya

Pameran Art Unites himpun artis empat negeri

BAGAN DALAM - Pameran Art Unites yang julung-julung kalinya diadakan di C Section sempena penganjuran Temasya Bagan 2020 berjaya menghimpunkan 22 artis visual dari Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak bagi mempamerkan seni lukis dan arca.

Mengulas lanjut, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa pihaknya berharap acara pameran itu bukan sahaja menggambit lebih ramai pengunjung ke Zon Seni dan Budaya di Butterworth Art Walk.

Bahkan, beliau berharap pameran tersebut dapat meremajakan lagi kawasan bandar Bagan.

"Banyak program seni dan kreativiti kita (MBSP) adakan di Seberang Perai, bertujuan untuk meremajakan lagi kawasan Seberang Perai terutama di Bagan ini," jelasnya pada Majlis

Perasmian Pameran Art Unites & Temasya Bagan 2020 di C Section dekat sini pada 1 Februari 2020.

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees memberitahu bahawa pihaknya sejak beberapa siri mesyuarat persidangan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pernah memohon membangkitkan perkara perihal penting untuk mewujudkan Zon Seni dan Budaya di Butterworth Art Walk.

Turut berucap, Pengarah Urusan Zart Eventive, Zaini Zainul yang juga wakil pengangur, Persatuan Anak Seni Utara (PASU).

Difahamkan, acara tahunan Temasya Bagan merupakan salah satu acara dibawah program rejuvenasi Butterworth Baharu, sementara Pameran Art Unites merupakan elemen baharu dibawah Temasya Bagan.



SR. ROZALI MOHAMUD (dua dari kanan), M. SATEES (dua dari kiri), jemputan khas dan artis berkaitan meneliti salah satu arca menarik pada Majlis Perasmian Pameran Art Unites & Temasya Bagan 2020 di C Section dekat sini baru-baru ini.

Iklan haram, MBPP ambil tindakan

GEORGE TOWN - Sebanyak 415 iklan haram kondo mewah telah diturunkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sehingga 27 Januari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam dan Pelesenan MBPP, Nicholas Theng Jie Wey berkata bahawa semua iklan haram tersebut tertumpu di kawasan Air Itam, Paya Terubong dan Jalan Thean Teik sejak 21 Januari lalu.

Menurut beliau, tindakan penguatkuasaan telah dibuat dan pihak MBPP telah menghantar sistem pesanan ringkas (SMS) kepada setiap pemilik nombor telefon tertera agar hadir ke Bahagian Pelesenan MBPP bagi memberikan penjelasan dalam tempoh tiga hari bermula 30 Januari 2020.

"Melalui siasatan yang dijalankan, MBPP telah mengenal pasti semua syarikat yang mempamerkan iklan haram ini yang juga merupakan syarikat ejen harta tanah di Pulau Pinang.

"Kita (MBPP) berharap mereka (syarikat harta tanah) ambil serius kesalahan ini dan tampilkan diri bagi memberikan penjelasan dalam tempoh tiga hari bermula 30 Januari (2020)," ujarnya pada sidang media di sini 31 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis MBPP yang menganggotai Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam dan Pelesenan MBPP.

Mengulas lanjut, Jie Wey memberitahu bahawa tindakan diambil mengikut Undang-undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000.

"Sekiranya pemilik syarikat ingkar atau gagal mengikuti arahan, mereka boleh dikenakan tindakan kompaun RM250 bagi setiap kesalahan yang dilakukan

pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan Call Centre MBSP dekat Lobi Menara Bandaraya di sini 31 Januari lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmud; barisan Ahli Majlis bagi MBSP serta pengurus-pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Seberang Perai.

Dalam pada itu, Jagdeep sebelum itu memaklumkan bahawa sehingga 30 Januari lalu, sebanyak 2,118 aduan telah diterima melalui Call Centre MBSP yang mula beroperasi pada 23 Disember 2019.

"Di sini, saya mahu MBSP memastikan bahawa tidak ada aduan tercicir atau tidak dijawab," tegasnya.

Difahamkan, Call Centre MBSP beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang.

Bagi penduduk yang berhasrat untuk mengemukakan sebarang aduan boleh hubungi Call Centre MBSP di talian: 04-269 6969.



NICHOLAS THENG JIE WEY (tiga dari kiri) sambil ditemani barisan Ahli Majlis MBPP lain menjelaskan mengenai rampasan iklan-iklan haram pada sidang media di sini baru-baru ini.

MBSP sasar semua tandas capai empat bintang

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

SEBERANG JAYA – Tandas awam bertaraf lima bintang di Pasar dan Kompleks Penjaja di Lengkok Tenggiri dekat sini, siap dinaik taraf dan telah dibuka secara rasminya baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, projek penaiktarafan tersebut bermula pada 16 Julai (2019) telah selesai sepenuhnya pada 21 Disember lalu.

“Projek ini telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan jumlah kos sebanyak RM161,750.

“Tandas awam baru ini juga dilengkapi dengan pintu keluli tahan karat yang berkualiti tinggi, flush tandas yang menjimatkan air, sistem ‘photocell’ yang menggunakan cahaya sekeliling dan tandas untuk golongan OKU (orang kurang upaya).

“Dan berita yang lebih baik adalah orang ramai tidak perlu membayar untuk menggunakan tandas (bertaraf) lima bintang ini,” ucapnya pada majlis pelancaran

berkenaan pada 28 Januari lalu di sini.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud dan Setiausaha MBSP, Ir. Rosnani Mahmud.

Dalam perkembangan sama, Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan turut mengumumkan kerja-kerja menaik taraf Kompleks Makanan Lengkok Tenggiri.

“Proses tender terbuka akan bermula seawal bulan Februari melibatkan penaiktarafan 44 unit gerai makanan di sini.

“Oleh itu, saya berharap projek ini akan menyediakan kawasan tempat makan yang lebih selesa untuk para penjaja dan juga pengunjung,” ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Rozali, sejumlah 465 tandas awam di kawasan Seberang Perai telah diperiksa dan dinilai pada Disember tahun lalu.

“Daripada jumlah ini, 220 tandas awam telah diberi nilai antara empat dan lima bintang, manakala 245 tandas awam lain



JAGDEEP Singh Deo (tujuh dari kiri), Dr. Afif Bahardin (enam dari kiri), Sr. Rozali Mohamud (tujuh dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan menyempurnakan gimik Majlis Pelancaran Tandas Awam Lengkok Tenggiri di sini baru-baru ini.

(tiga bintang dan ke bawah).

“Saya tahu kita boleh mencapai hasil yang lebih baik daripada ini, oleh itu pada tahun 2022, MBSP menyasarkan semua

(465 tandas) mencapai penilaian empat dan lima bintang,” jelasnya sambil menyeru umum supaya menjaga kebersihan tandas berkaitan.

Tiga ‘Wira Oren’ terima penghargaan khas MBSP

Gambar :
**MUHAMMAD
RIADZ AKMAL
RUSDANI**

SEBERANG JAYA – Tiga ‘Wira Oren’ menerima sijil penghargaan khas daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selepas bertindak menyelamatkan anjing liar yang cedera pada 17 Januari lalu.

Ketiga-tiga mereka adalah pemandu lori MBSP, S. Sasee serta dua Pembantu Awam, K. Muniandy dan Ahmad Zainol Alias.

Sijil disampaikan oleh Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud dekat Ruang Media Menara Bandaraya di sini 29 Januari lalu.

Rozali berkata, penganugerahan sijil berkenaan diberikan sebagai tanda penghargaan MBSP terhadap tindakan murni ketiga-tiga kakitangan terlibat.

“Oleh itu, semua warga MBSP dan orang awam adalah diharapkan dapat memupuk sikap serta budaya prihatin sesama manusia serta haiwan demi memastikan kehidupan yang lebih baik di Seberang Perai.

“Walaupun bukan pekerja MBSP, tetapi sekiranya mereka (orang awam) melakukan sesuatu yang boleh menaikkan imej dan



SR. Rozali Mohamud (barisan depan, dua dari kiri) beramah-mesra dengan tiga ‘Wira Oren’ yang diberi penghargaan pada majlis yang diadakan di sini baru-baru ini.

nilai murni Seberang Perai, kita akan bagi penghargaan,” jelasnya.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmud serta Ahli-Ahli Majlis MBSP.

Difahamkan, pada hari kejadian, Sasee yang sedang bertugas melihat seekor anjing liar tercedera berada di tengah jalan dekat persimpangan hadapan Tapak Pemindahan Sampah Ampang Jajar, Permatang Pauh.

Beliau kemudiannya meminta K. Muniandy untuk mengalihkan anjing tersebut ke tepi jalan, manakala Ahmad Zainol yang turut berada di lokasi membantu mengawal lalu lintas bagi memastikan keselamatan semasa mengalihkan haiwan tersebut.

Keprihatinan ketiga-tiga kakitangan terbabit turut mendapat pujian daripada orang awam yang melihat kejadian tersebut.

‘The Perai Curved’ juarai pertandingan reka bentuk mercu tanda Seberang Perai

SEBERANG JAYA – ‘The Perai Curved’ karya Muhammad Jafni Muhammad Azmi dipilih sebagai juara bagi pertandingan Reka Bentuk Mercu Tanda Seberang Perai anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Kemenangan tersebut melayakkkan Muhammad Jafni, 28, membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM1,000 berserta sijil penghargaan.

Tempat kedua dimenangi Mohd. Hanif Zulkifli, 33, melalui karya ‘Pangku Rimbun’, manakala ‘Mercu Dedaun Sungai’ karya Ahmad Zaini Zainul Abidin, 56, di tempat ketiga yang mana masing-masing menerima hadiah RM700 serta RM400 berserta sijil penghargaan.

Tujuh lagi peserta menerima hadiah saguhati berupa wang tunai bernilai RM100 berserta sijil penghargaan.

Hadiah disampaikan oleh Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud selepas majlis pengumuman pemenang bagi pertandingan berkenaan dekat Ruang Media Menara Bandaraya di sini 29 Januari lalu.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmud serta Ahli-Ahli Majlis bagai MBSP.

Rozali berkata, karya-karya yang terpilih bakal menghiasi pintu masuk ketiga-tiga daerah di Seberang Perai iaitu di Bumbung Lima (Seberang Perai Utara), Jalan Kulim (Seberang Perai Tengah) dan simpang tiga dekat Permatang Keling (Seberang Perai Selatan).

“Ini adalah satu visi yang telah termaktub iaitu Seberang Perai inklusif, kompetitif, hijau dipacu oleh teknologi.

“Diilhamkan oleh Ahli-Ahli Majlis,



MUHAMMAD Jafni Muhammad Azmi menunjukkan replika cek dimenangi selepas majlis pengumuman pemenang Reka Bentuk Mercu Tanda Seberang Perai anjuran MBSP di sini baru-baru ini.

kita (MBSP) minta penduduk membuat reka bentuk (mercu tanda) untuk kita supaya penduduk merasakan bahawa Seberang Perai adalah milik bersama.

“Mercu tanda pintu masuk ini akan dipasang pada tahun ini juga tetapi secara berperingkat,” ujarnya.

Komited main peranan bantu rakyat memerlukan

BUKIT TENGAH — Kehidupan sukar seorang asnaf yang terpaksa mendiami rumah usang dekat kawasan Perindustrian Bukit Minyak di sini berakhir selepas menerima rumah baru sumbangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bernilai RM50,000.

Zakaria Abd. Aziz, 60, merupakan antara 17 penerima sumbangan rumah baru di bawah projek Baiti Jannati di seluruh negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019.

Zakaria berkata, kesempitan hidup memaksa beliau dan keluarga menjalani kehidupan di sebuah rumah usang dengan keadaan dinding telah reput selain bumbungnya bocor sejak 30 tahun lalu.

“Saya telah memohon untuk mendapatkan rumah baru sejak 2009 melalui pelbagai agensi.

“Syukur tidak terhingga kerana akhirnya pihak TNB menyambut harapan saya untuk mendapatkan sebuah rumah baru dengan bantuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di sini.

“Bantuan rumah baru ini akan memudahkan urusan harian isteri saya yang terpaksa menggunakan kerusi roda selepas kehilangan sebelah kaki akibat masalah kesihatan sejak 2008,” katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Baiti Jannati TNB dekat Bukit Minyak di sini pada 5 Februari lalu.

Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan oleh ADUN Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung.

Hsiao-Leung dalam ucapannya berkata, TNB sebagai

sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) memainkan peranan cukup besar dalam membantu masyarakat yang memerlukan di negara ini.

“Pendekatan ini merupakan usaha yang sangat baik oleh pihak TNB untuk terus membantu rakyat memerlukan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama-sama Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

“Kerajaan Negeri juga sememangnya prihatin terhadap nasib rakyat memerlukan melalui pemberian sumbangan seperti program i-Sejahtera, Agenda Ekonomi Saksama (AES), bantuan pendidikan, pinjaman perniagaan dan sebagainya,” ujarnya pada program berkaitan.

Hadir sama, Pengurus Persatuan Wanita Kumpulan Tenaga Nasional Berhad (Pelitawanis TNB), Datin Seri Aida Abu; Ketua Perkhidmatan Pelanggan TNB Pulau Pinang, U. U Anandarani; Penolong Pengurus Bahagian Perumahan Asnaf Zakat Pulau Pinang (ZPP), Mohd. Hussairi Abd Manap serta Pengurus MPKK Bukit Minyak, Chew Chin Ewo.

Dalam pada itu, U Anandarani memberitahu bahawa sejak 2008, TNB membina 717 rumah untuk golongan asnaf di seluruh negara membabitkan peruntukan berjumlah RM312 juta.



GOOI Hsiao-Leung (duduk, kanan sekali) bersama-sama para jemputan khas dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar di kediaman yang diterima Zakaria Abd. Aziz (berkopiah) pada Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Baiti Jannati TNB dekat Bukit Minyak di sini baru-baru ini.

“Di Pulau Pinang pula, sejak 2008, TNB telah membina 67 rumah kepada asnaf yang dipilih melalui senarai nama yang dikemukakan oleh pihak ZPP.

“Selain itu, TNB juga adakan program CSR membabitkan orang bukan Islam melalui projek mesra rakyat yang mana seorang penerima daripada masyarakat Cina dan India menerima rumah baru setiap tahun,” jelasnya.

Dua belon udara panas gergasi pukau penduduk Farlim

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHRISTOPHER TAN**

PAYA TERUBONG — Orang ramai di sekitar Bandar Baharu Farlim tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan dua belon udara panas gergasi yang julung kalinya dipamerkan di sini sempena pra-acara *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2020* baru-baru ini.

Rata-rata pengunjung yang hadir begitu asyik serta terpukau menyaksikan dua belon panas berbeza karektor berkaitan sambil mengambil peluang berswafoto secara lebih dekat.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin berkata, acara ‘*pop-up*’ belon udara panas tersebut merupakan salah satu pra-acara yang diadakan sebelum acara rasmi *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2020* yang berlangsung pada 1 dan 2 Februari lalu bertempat di Padang Polo.

“Diharap komuniti (penduduk) di sekitar kawasan ini merasai pengalaman unik berkaitan... menyaksikan secara lebih dekat belon udara panas sambil menikmati pelbagai aktiviti dan persembahan yang diadakan seperti zumba serta tarian singa,” ujarnya ketika ditemui pada penganjuran tersebut baru-baru ini.

Bercerita lanjut mengenai penganjuran *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2020*, Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong memberitahu bahawa sejumlah 15 belon udara panas dari United Kingdom, Perancis, Belgium, Amerika Syarikat, Kanada, Brazil, Australia, Taiwan, Jepun termasuk Malaysia didatangkan khas ke Pulau Pinang sempena penganjuran tersebut.

“Buat tahun keenam berturut-turut, seluruh warga negeri berpeluang menyaksikan dengan lebih dekat pelbagai karektor belon gergasi yang dipamerkan di Bandar Baharu Farlim sempena pra-acara *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2020* di sini baru-baru ini.



YEOH Soon Hin merakam dua belon udara panas yang dipamerkan di Bandar Baharu Farlim sempena pra-acara *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2020* di sini baru-baru ini.

Bantu pinjaman perumahan ditolak? AKPK boleh bantu

Setelah bertahun-tahun menyewa rumah atau tinggal bersama ibu bapa, sudah tentu setiap individu ingin memiliki rumah sendiri apatah lagi setelah mendirikan rumah tangga. Anda merasakan semua sudah sempurna untuk mendapatkan pinjaman perumahan daripada institusi-institusi kewangan. Bagaimana jika permohonan pinjaman anda ditolak? Apa yang harus dilakukan?

Mungkin ramai yang kecewa dan berputus asa dan menganggap belum ada rezeki untuk memiliki rumah sendiri. Jangan panik dan cepat mengalah. Anda boleh mendapatkan Khidmat Nasihat Pembiayaan atau singkatannya MyKNP di mana-mana pejabat cawangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Apakah itu MyKNP?

Ini adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada 21 Ogos 2019 dan AKPK diberi mandat untuk menawarkan khidmat nasihat kepada pemohon yang permohonan pinjaman perumahan mereka ditolak oleh institusi kewangan. Melalui khidmat nasihat yang diberikan, pemohon dapat mengetahui sebab pinjaman mereka ditolak dan kaunselor berpengalaman AKPK akan memberi pendedahan bagaimana untuk memperbaiki peluang mereka mendapatkan pinjaman pada masa akan datang.

Menurut Ketua Cawangan AKPK Pulau Pinang, Mohd. Nordin Abd. Rahman, MyKNP tidak menjanji pemohon bakal mendapat pinjaman dari institusi-institusi kewangan serta-merta. Sebaliknya pemohon akan diberi khidmat nasihat dan panduan-panduan bagi mengukuhkan kedudukan kewangan mereka seterusnya mencerahkan peluang untuk mereka mendapatkan pinjaman di masa akan datang.

“Pemohon juga akan didedahkan dengan program-program dasar perumahan oleh kerajaan seperti Skim Perumahan Belia, Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJPK) 2020, pemilikan rumah melalui konsep “*Rent To Own*” dan sebagainya,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Mengulas lanjut, katanya, bakal pembeli juga boleh mempelajari dengan lebih terperinci dan mengetahui secara mendalam tentang selok-belok pembelian rumah melalui portal pembelajaran atas talian “RumahKu”.

Selepas menamatkan kursus atas talian ini, para pemohon akan diberikan sijil sebagai merit tambahan sewaktu memohon pinjaman perumahan di kemudian hari.

Mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan MyKNP ini bolehlah log masuk ke laman web MyKNP di: <http://myknp.akpk.org.my>. Pada hari temujanji, pelanggan akan menerima khidmat nasihat secara khusus daripada kaunselor AKPK secara percuma. Malahan semua perkhidmatan utama AKPK iaitu Kaunseling Kredit, Pendidikan Kewangan dan Program Pengurusan Kredit adalah percuma kepada individu.

Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang 2020 memukau!



DR. Abdul Rahman Abbas (empat dari kiri) bersama-sama Ketua Menteri dan barisan tetamu kehormat yang lain menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang 2020 di sini baru-baru ini.



Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

GEORGE TOWN – Ribuan pengunjung membanjiri Padang Polo di sini untuk menikmati keseronokan suasana Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang 2020 yang berlangsung selama dua hari pada 1 dan 2 Februari lalu.

Sebanyak 15 belon udara panas dari seluruh dunia seperti United Kingdom, Perancis, Belanda, Amerika Syarikat, Kanada, Brazil, Australia, Taiwan dan Jepun menghiasi lokasi acara seawal jam 7 pagi hingga 9 malam.

Pelbagai rupa dan bentuk belon udara panas dipertontonkan ternyata menggamit keterujaan para pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan usia.

Limpahan cahaya yang terpancar daripada ratusan tanglung kecil berbentuk belon udara panas berwarna-warni menambahkan lagi

kemeriahkan acara tersebut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri terus mempelbagaikan produk pelancongan untuk dinikmati oleh pelancong yang datang ke negeri ini sejajar dengan *Experience Penang Year 2020* (EPY2020).

“Dalam menerima jumlah pelancong yang semakin meningkat saban tahun sama ada dari dalam dan luar negara, Pulau Pinang komited untuk terus mempelbagaikan produk-produk pelancongan.

“Justeru, Fiesta Belon Ucara Panas yang dianjurkan sejak 2015 telah dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan negeri.

“Saya percaya bahawa pihak pengajur telah bekerja keras untuk melaksanakan penambahbaikan bagi memenuhi intipati dan kesesuaian cita rasa pengunjung,” ucapnya pada majlis perasmian pesta berkennaan pada 1 Februari lalu.

Yang DiPertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff

hadir sebagai tetamu kehormat pada acara tersebut.

Turut serta, isteri kepada Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee; Exco Pelancongan, Seni, Budaya & Warisan Yeoh Soon Hin serta Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism, Ooi Chok Yan.

Dalam pada itu, Soon Hin dalam ucapannya memberitahu bahawa pengajuran pesta berkennaan menandakan bermulanya acara yang disenaraikan dalam kalendar EPY 2020.

“Fiesta Belon Udara Panas Pulau Pinang yang diadakan untuk kali keenam pada tahun ini adalah salah satu program yang tersenarai.

“Oleh itu, adalah diharapkan agar pengunjung menikmati keseronokan selain dapat meluangkan masa berkualiti bersama-sama keluarga serta rakan-rakan,” ujarnya.

Difahamkan, Fiesta Belon Udara

Panas
Pulau
Pinang dianjurkan
secara gilang-gemilang oleh AKA
Balloon Sdn. Bhd. dengan kerjasama
TLM Event Sdn. Bhd., Majlis
Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
dan Penang Global Tourism.

Pada kemuncak acara tersebut,
pengunjung berpeluang menikmati
pertunjukan ‘Night
Glow’ yang menampilkan

10 belon yang
diiasi muzik dan lampu
berwarna-warni selain percikan
bunga api.

Selain di pulau, sebanyak
10 belon udara panas turut
dipertontonkan kepada orang ramai
dekat Padang Awam Jawi yang
dihadiri Ahli Dewan
Undangan Negeri
(ADUN) Jawi,
Jason H'ng Mooi
Lye.

Pertunjukan ‘Night Glow’ yang memukau.



USAHA ‘menaikkan’ belon udara panas.